

Polis akan panggil Rafizi kerana 'mahu bom Najib'

Astro Awani

Jun 14, 2016

Wan Syamsul Amly

KUALA KANGSAR: Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung laporan yang dibuat terhadap dakwaan mahu mengebom Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Abd Rahim Hanafi berkata, kertas siasatan juga telah dibuka mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu melakukan ugutan jenayah.

"Rafizi pada 9 Jun berkata dalam ceramahnya mahu mengebom perdana menteri. Kita telah membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

"Setakat ini saya belum pasti berapa ramai akan dipanggil, saya belum dapat maklumat lagi. Ia dalam suasana pihak polis," katanya semasa sidang media selepas membuat tinjauan perjalanan proses pengundian awal bagi Pilihan Raya (PRK) Kuala Kangsar.

Ia melibatkan sebanyak 292 daripada 312 anggota dan pegawai polis di Kompleks Perumahan Polis Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kangsar.

Semalam, beberapa penduduk tempatan membuat empat laporan polis kerana berang dengan tindakan Rafizi yang didakwa hendak mengebom Perdana Menteri sekiranya calon Parti Amanah Negara (Amanah) menang pada PRK Kuala Kangsar.

Dalam pada itu Abd Rahim menasihati parti yang bertanding atau penceramah agar tidak melakukan provokasi.

"Saya minta juga jangan melibatkan isu perkauman, keagamaan dan kebudayaan yang boleh mengugut keamanan dan keselamatan," jelasnya.

Tag: [Rafizi Ramli](#), [Rafizi news](#), [Rafizi Najib](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-akan-panggil-rafizi-kerana-mahu-bom-najib-108079>